



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PEMAKLUMAN IKLAN PERMOHONAN LEPASAN SIJIL PELAJARAN
MALAYSIA 2020 KE PROGRAM MATRIKULASI DAN PROGRAM
IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BAGI SESI AMBILAN 2021**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa permohonan untuk mengikuti Program Matrikulasi ambilan 2021 dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) ambilan 2021, serta Program Penghantaran Pelajar Cemerlang (PPC) ke Luar Negara akan dibuka mulai 15 Mac hingga 15 April 2021. KPM mempelawa semua pelajar lepasan SPM 2020 yang memenuhi syarat untuk memohon Program Matrikulasi, PISMP dan PPC.

Pelajar lepasan SPM 2020 boleh memohon terus kepada KPM tanpa perlu melalui UPU *Online*. Permohonan adalah percuma. Pelajar lepasan SPM 2020 yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui iklan yang akan disiarkan di laman sesawang rasmi KPM www.moe.gov.my pada 8 Mac 2021.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
5 MAC 2021**